

# TAHAP KECENDERUNGAN DALAM PEMILIHAN KERJAYA KEUSAHAWANAN PELAJAR KOLEJ VOKASIONAL

## *LEVELS IN SELECTION VOCATIONAL EDUCATION ENERGY EMPLOYMENT*

Mazirah Mohammad<sup>1</sup>  
Norasmah Othman<sup>2</sup>

<sup>1,2</sup>Fakulti Pendidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia

*Accepted date: 18-10-2018*

*Published date: 15-12-2018*

*To cite this document:* Mohammad, M., & Othman, N. (2018). Tahap Kecenderungan Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Pelajar Kolej Vokasional. *International Journal of Education, Psychology and Counseling*, 3 (21), 18-30.

**Abstrak:** Kerjaya dalam bidang keusahawanan semakin berkembang dan menjadi faktor penyumbang kepada pertumbuhan ekonomi negara. Bidang keusahawanan menyediakan peluang yang luas untuk diceburi sebagai satu bidang kerjaya. Usahawan menjadi kerjaya pilihan bagi generasi muda terutamanya di negara-negara maju tetapi bukan di Malaysia. Justeru itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kecenderungan keusahawanan pelajar Kolej Vokasional serta hubungan yang signifikan antara tahap kecenderungan keusahawanan dengan pemilihan kerjaya pelajar Kolej Vokasional. Kajian yang menggunakan kaedah tinjauan dengan soal selidik sebagai instrumen utama serta proses persampelan rawak mengikut kadar telah digunakan. Sampel kajian terdiri daripada 30 orang responden pelajar semester akhir Kolej Vokasional. Hasil dapatan dianalisis menggunakan statistic deskriptif dan inferensi. Dapatan kajian menunjukkan tahap kecenderungan keusahawanan dan pemilihan kerjaya pelajar Kolej Vokasional adalah tinggi dan memberi kesimpulan bahawa pelajar mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam bidang keusahawanan. Analisis statistik inferensi menunjukkan terdapat hubungan yang signifikan dengan nilai  $r(30) = 0.373$ ,  $p < 0.05$ , namun demikian kadar hubungan lemah. Implikasi dapatan kajian ini mencadangkan supaya pelbagai program ditingkatkan dan diteruskan agar kecenderungan pelajar-pelajar KV dapat ditingkatkan dalam bidang keusahawanan dan terus memilih usahawan sebagai kerjaya pilihan.

**Kata Kunci:** Kecenderungan Keusahawanan Pelajar, Pemilihan Kerjaya Keusahawanan

*Abstract:* Career in entrepreneurship is growing and contributing to the country's economic growth. The field of entrepreneurship provides a great opportunity to venture into a career field. Entrepreneurship is a career choice for the younger generation, especially in developed countries but not in Malaysia. Hence, this study is conducted to identify the level of

*entrepreneurship trends of Vocational College students as well as the significant relationship between entrepreneurship trends and the vocational selection of Vocational College students. The research using survey method with questionnaire as the main instrument and random sampling process according to rate has been used. The sample of the study consisted of 30 respondents of the final semester of Vocational College. Results were analyzed using descriptive and inferential statistics. The findings show that the level of entrepreneurship tendency and career choice of Vocational College students is high and conclude that students have a high inclination in entrepreneurship. Inferential statistical analysis showed that there was significant relationship with the value of  $r(30) = 0.373$ ,  $p < 0.05$ , but the relationship was weak. The implication of this study suggests that various programs are improved and continued so that the tendency of KV students to be improved in the field of entrepreneurship and continue to choose entrepreneurs as an optional career.*

**Keywords:** *Student Entrepreneurship Trend, Entrepreneurship Career Option*

---

## **Pendahuluan**

Keusahawanan merupakan satu proses membuat keputusan dan tindakan yang berterusan daripada memulakan hingga mengurus sesuatu perniagaan (Mahmood et al.,2008). Seorang usahawan bukan saja mempunyai keupayaan mereka cipta, mencetus atau memperoleh idea baru hasil daripada ilmu pengetahuan yang dikuasainya, tetapi sewajarnya juga berupaya menggunakan ilmu pengetahuan tersebut bagi tujuan mengaplikasikannya untuk peningkatan kualiti hidup (Eriniwati,2014). Dengan memilih kerjaya sebagai usahawan, seseorang tidak lagi terikat dengan jaminan yang diberikan oleh orang lain, tetapi mempunyai kebebasan untuk mengurus ekonomi sendiri (Trump,2007). Tambahan lagi, seorang usahawan tidak akan melihat masalah-masalah seperti yang dinyatakan, tetapi akan mencari peluang sebaliknya. Keusahawanan merupakan suatu bidang kerjaya yang menjadi tumpuan bagi pengkaji dalam menggalakkan pelajar Kolej Vokasional (KV) untuk menceburi bidang tersebut sejurus mereka menamatkan pengajian. Pelajar KV yang sudah dua kohort menamatkan pengajian di KV selama 4 tahun, mereka juga boleh berjaya untuk menjadi usahawan berjaya di industri kelak.

Transformasi pendidikan vokasional merupakan usaha merekayasa kurikulum, institusi, pengajaran dan pembelajaran, pentaksiran, tadbir urus dan sumber manusia sehingga terbina sistem pendidikan vokasional baru. Pendidikan vokasional ini diharap dapat berfungsi dengan cekap dan berkesan sebagai jentera pendidikan untuk kecemerlangan kerjaya modal insan sama ada sebagai pekerja mahir mahupun sebagai usahawan berdaya saing dan berwatak professional (KPM,2015). Menurut Ahmad (2014), Aspirasi Program Transformasi Kerajaan dan Model Baru Ekonomi yang berteraskan ekonomi berpendapatan tinggi adalah untuk melahirkan modal insan yang berkeupayaan untuk berinovasi dan meneroka bidang-bidang baharu dalam usaha menjana kekayaan Negara. Oleh itu, pertumbuhan ekonomi nasional ini telah menuntut peningkatan bilangan graduan dalam bidang teknikal dan vokasional agar dapat sama-sama membantu merencanakan pertumbuhan ekonomi menuju negara maju. Berpandukan kepada Pelan Strategik Transformasi, dasar dibentuk bertujuan untuk melahirkan 70% lepasan ke alam pekerjaan, 20% lepasan berjaya menyambung pengajian manakala 10% menceburi bidang keusahawanan (Sufean,2014). Bidang keusahawanan adalah struktur yang penting dalam membantu generasi masa depan membina kerjaya masing-masing tanpa mengharap bantuan dari pelbagai pihak (Suhaila,2015). Masalahnya Pelan Strategik Transformasi yang telah dilaksanakan di KV seluruh Malaysia yang

menetapkan satu pencapaian di mana 10% daripada lepasan KV menceburi bidang keusahawanan berjaya dicapai atau tidak dengan tiada bantuan badan atau jabatan yang dapat membimbing pelajar menjadi usahawan. Oleh sebab itu, kajian ini dijalankan untuk mengenal pasti tahap kecenderungan pelajar dalam pemilihan kerjaya keusahawanan apabila tamat pengajian dan sejauh manakah kurikulum akibat dari transformasi pendidikan vokasional yang dibina dapat memberikan kecenderungan kepada pelajar dalam pemilihan kerjaya sebagai usahawan dalam mencapai 10% pelajar keluaran KV menceburi bidang keusahawanan?

Perekayasaan sistem pendidikan vokasional telah dilaksanakan mengikut pelan tindakan strategik dalam tempoh 2011-2020 yang dibahagikan kepada tiga fasa iaitu pertama fasa lonjakan (2011 – 2013), kedua fasa peningkatan (2014 – 2016) dan ketiga fasa pemeraksanaan (2017 – 2020) (KPM 2015). Proses transformasi telah berlaku dalam tempoh tujuh tahun sehingga sekarang tahun 2018 berada di fasa pemeraksanaan di mana proses terakhir bagi mengukuhkan proses transformasi yang dilaksanakan. Oleh yang demikian, tujuan utama kajian ini dijalankan untuk menilai tahap kecenderungan dalam pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar Kolej Vokasional ekoran dari pelaksanaan tranformasi pendidikan vokasional setelah hampir tujuh tahun Pelan Strategik Transformasi dilaksanakan di semua KV seluruh Malaysia. Kajian ini adalah untuk pelajar Kolej Vokasional yang berada di tahun akhir Diploma Kolej Vokasional (DVM). Pelajar-pelajar ini dipilih kerana telah melalui program semester pendek dan menjalani kursus-kursus kemahiran mengikut bidang masing-masing selama empat tahun di Kolej Vokasional. Selain dari itu, skop dan tumpuan kajian hanya pada hubungan antara kemahiran dan sikap pelajar dengan pemilihan kerjaya keusahawanan. Objektif kajian ini secara khusus untuk (1) Menenal pasti tahap kecenderungan keusahawanan pelajar Kolej Vokasional; (2) Menenal pasti tahap pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar Kolej Vokasional dan (3) Menenal pasti hubungan yang signifikan antara tahap kecenderungan keusahawanan dengan pemilihan kerjaya pelajar Kolej Vokasional.

## **Soroton Karya**

### ***Kecenderungan Keusahawanan Pelajar***

Usahawan berupaya membina nilai yang baru lagi berbeza, menukar bahan kepada sumber atau menggabung sumber-sumber yang ada untuk membentuk hasilan yang lebih produktif (Eriniwati,2014). Seorang usahawan itu bukan saja mempunyai keupayaan mereka cipta, mencetus atau memperoleh idea baru hasil daripada ilmu pengetahuan yang dikuasainya, tetapi sewajarnya juga berupaya menggunakan ilmu pengetahuan tersebut bagi tujuan mengaplikasikannya untuk peningkatan kualiti hidup (Eriniwati,2014). Kecenderungan ialah minat seseorang individu untuk melakukan sesuatu perkara dan didorong oleh perasaan yang menggerakkannya untuk menjadi satu tindakan. Kecenderungan juga bermaksud niat seseorang untuk berusaha dalam mencari ataupun mencuba aktiviti-aktiviti dalam sesuatu bidang yang tertentu. Seseorang individu cenderung untuk memilih kerjaya berdasarkan kepada bidang pengajian yang telah mereka ambil malah terdapat segelintir individu yang memilih pekerjaan dengan mengikut minat, tingkah laku dan tindakan yang mereka inginkan. Kajian yang telah dijalankan Krueger et al. (2000) mendapati ramalan tingkah laku yang dirancang melalui sikap tertentu merupakan kaedah terbaik untuk mengetahui tahap kecenderungan. Kawalan tingkah laku akan meningkat apabila sikap dan norma subjektif akan mempengaruhi tahap kecenderungan sesuatu bentuk tingkah laku (Hisrich et al. 2008).

Kajian Douglas dan Shepherd (2002) mendapati pemilihan untuk bekerja sendiri sebagai kerjaya pilihan mempunyai kaitan antara sikap dan tahap kecenderungan keusahawanan.

Kajian mengenai kecenderungan keusahawanan pelajar telah mengenal pasti beberapa faktor yang mempengaruhi seseorang individu untuk menjadi seorang usahawan. Beberapa kajian telah dijalankan untuk mengenal pasti kecenderungan pelajar menjadi usahawan dengan melihat faktor seperti umur, jantina, pendidikan dan latar belakang keluarga, dan pengalaman perniagaan terdahulu (Kristiansen & Indarti, 2004; Shay & Terjensen, 2005). Kajian-kajian lain (Yar Hamidi, Wennberg & Berglund, 2008; Palaniappan & Rafik - Galea, 2009) menggunakan model niat seperti Teori Peristiwa Keusahawanan (Shapero, 1982) dan Teori Tingkah Laku Terancang (Ajzen, 1991) dalam mengenal pasti sikap, seperti pengambilan risiko, kreativiti dan mengenal pasti halangan. Selain itu, kajian ke atas kecenderungan keusahawanan pelajar turut melihat penerapan kemahiran keusahawanan dalam kalangan pelajar politeknik menerusi proses pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Hisrich et al. (2008) keputusan untuk menceburi bidang keusahawanan merupakan suatu tempoh masa yang bermula daripada kecenderungan kemudian diikuti dengan proses pengenalanpastian dan penilaian peluang. Untuk menjadi seorang usahawan keputusan yang dibuat oleh individu haruslah memberi manfaat pada jangka masa panjang selain daripada itu, untuk menjadi seorang usahawan ciri-ciri yang perlu dimiliki oleh individu adalah sanggup menerima pelbagai risiko, rintangan dan cabaran, tidak gentar, mampu menyelesaikan masalah yang dihadapi dan bijak untuk membuat keputusan dengan mengetahui kelebihan dan kekurangan hasil daripada tindakan sesuatu tingkah laku. Sebagai seorang usahawan setiap tindakan tingkah laku yang individu lakukan akan memberi kesan kepada kecenderungan dalam melakukan tingkah laku tersebut. Sehubungan dengan itu, setiap perlakuan yang dilakukan harus mempunyai kesan yang baik dan tingkah laku yang ditunjukkan haruslah memberi kesan positif agar ianya cenderung bagi individu untuk melakukan tingkah laku tersebut.

Kajian oleh Daniela et al. (2016) berkaitan kesan pendidikan keusahawanan terhadap kecenderungan keusahawanan pelajar dalam bidang sains dan kejuruteraan berbanding pelajar dalam bidang pengajian perniagaan. Dapatan kajian menunjukkan pendidikan keusahawanan yang ditawarkan di universiti harus diubahsuai dengan mengikut sasaran kumpulan pelajar yang bersesuaian atau mengikut bidang pelajar. Pengkaji memberi cadangan agar kajian yang akan datang harus memfokuskan pendekatan yang berkesan dalam pendidikan keusahawanan bagi pelajar di dalam bidang sains dan kejuruteraan kerana banyak kajian yang dijalankan menjurus kepada pelajar pengurusan perniagaan atau keusahawanan sahaja tanpa melibatkan pelajar bidang lain.

Selain daripada merasa bebas dan mendapat pendapatan yang lumayan, seseorang juga perlu memiliki kecenderungan terhadap keusahawanan. Mereka perlu memiliki sikap sebagai seorang usahawan (Douglas & Shepherd, 2002). Dalam erti kata lain, kecenderungan seseorang terhadap sesuatu perkara boleh mendorong keinginan mereka untuk mendapatkan perkara tersebut. Dalam hal ini, jika individu tersebut memiliki kecenderungan terhadap kerjaya keusahawanan maka kebarangkalian untuk melibatkan diri dalam bidang keusahawanan juga adalah tinggi. Ini bermakna, peluang individu tersebut memilih kerjaya keusahawanan sangat besar terutama sekiranya mereka mempunyai sikap positif dan tahap keinginan yang tinggi terhadap bidang keusahawanan. Ini kerana, sikap positif didapati mampu merangsang tahap keinginan individu untuk mempamerkan tindakan selanjutnya

dengan memilih kerjaya keusahawanan. Hal ini turut diakui oleh Hisrich et al. (2008) yang percaya bahawa individu yang mempunyai kecenderungan yang kuat untuk melakukan sesuatu perkara, akan memperlihatkan kemungkinan yang positif ke atas tindakan yang dikehendaki.

### ***Pemilihan Kerjaya Keusahawanan***

Kerjaya merupakan agenda penting kepada setiap individu kerana akan mempengaruhi dan mencorakkan kehidupan seseorang (Sidek,2006). Memilih sesuatu kerjaya melibatkan proses membuat keputusan yang sangat kompleks, rumit dan seringkali memakan tempoh masa yang panjang (Olsson,2002). Kini, pemilihan kerjaya menjadi semakin rumit dan kompleks disebabkan perubahan persekitaran yang tidak menentu dan tidak dijangka (Norasmah,2012). Keadaan pemilihan ini bertambah rumit apabila seseorang sentiasa memilih kerjaya yang hanya diminati dan sesuai bagi membolehkan mereka mencapai kepuasan bekerja dan kekal lebih lama dalam kerjaya yang dipilih (Sidek,2006). Bidang keusahawanan menyediakan peluang yang luas untuk diceburi sebagai satu bidang kerjaya. Usahawan menjadi kerjaya pilihan bagi generasi muda terutamanya di negara-negara maju tetapi bukan di Malaysia. Pelbagai pihak tidak berputus asa untuk melakukan usaha dengan menjadikan bidang keusahawanan sebagai bidang kerjaya pilihan utama oleh graduan sebagai langkah menjadikan Malaysia ingin menjadi sebuah negara maju.

Kajian Norasmah dan Nor Hafiza (2012) adalah berkaitan dengan impak globalisasi tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan dalam kalangan pelajar universiti mendapati bahawa wujudnya hubungan positif dan signifikan di antara impak globalisasi terhadap kerjaya keusahawanan dengan tingkah laku pemilihan kerjaya keusahawanan. Persepsi yang positif terhadap kerjaya keusahawanan akan membuatkan seseorang itu lebih cenderung untuk melibatkan diri dalam aktiviti keusahawanan.

Kajian Fadhillah & Halimah (2010) mendapati seramai 58.8% pelajar Universiti Awam yang masih belum menunjukkan minat untuk menjadi usahawan. Walaupun pelbagai program keusahawanan telah dijalankan tetapi peratusan pelajar Universiti Awam yang ingin menceburi bidang keusahawanan masih berada pada peratusan yang masih kecil (Fadhillah dan Halimah 2010). Ini jelas menunjukkan bahawa pelajar di Universiti Awam lebih gemar untuk bekerja makan gaji daripada menjadi seorang usahawan. Hal ini berikutan daripada sikap individu tersendiri di mana mereka masih mengharapkan sesuatu daripada pihak Kerajaan. Dengan keadaan ekonomi semasa di Malaysia para pelajar tidak seharusnya bergantung kepada budaya makan gaji kerana melalui bidang keusahawanan individu turut dapat meneruskan kehidupan dan membantu ekonomi negara dan juga sendiri. Pelajar mempunyai kesedaran terhadap kerjaya keusahawanan walau bagaimanapun ianya tidak dapat mempengaruhi mereka untuk menceburi bidang keusahawanan dan ini turut memberikesan minat pelajar di Universiti Awam terhadap kerjaya keusahawanan apabila dapatan kajian mendapati hanya 33% pelajar yang pernah menghadiri kursus keusahawanan (Norfadhillah & Halimah 2010).

Kajian-kajian lepas mendapati hanya individu-individu tertentu sahaja yang akan memilih bidang keusahawanan sebagai kerjaya pilihan. Apabila diselidiki, golongan ini selalunya mempunyai persepsi positif terhadap bidang keusahawanan. Malah berpendapat bahawa hanya bidang keusahawanan dapat memberi mereka kepuasan sama ada daripada segi material (pendapatan yang lumayan) ataupun pengiktirafan (Norasmah,2011). Mereka juga

boleh menggunakan kreativiti serta kemahiran yang dimiliki dengan bebas tanpa perlu kebenaran sesiapa dalam mengusahakan kerjaya mereka (Kuratko & Hodgetts, 2004).

### **Metodologi**

Kajian ini menggunakan pendekatan kuantitatif sebagai pendekatan utama dan memilih kaedah tinjauan dengan soal selidik sebagai instrumen utama. Soal selidik digunakan untuk memperoleh maklumat berkenaan fakta, kepercayaan, perasaan, kehendak. Menurut Sekaran (2006), kaedah mendapatkan data melalui soal selidik merupakan kaedah terbaik. Selain itu, pengkaji menggunakan pendekatan kuantitatif untuk mendapatkan keterangan muktamad dalam bentuk analisis statistik dan reka bentuk kajian deskriptif dan inferensi untuk menentukan perkaitan dalam pemboleh ubah dan kepentingannya.

Instrumen utama yang digunakan bagi menjawab persoalan kajian ialah soal-selidik. Item-item soal selidik adalah berdasarkan adaptasi daripada kajian impak kursus keusahawanan terhadap kecenderungan pelajar dalam pemilihan kerjaya keusahawanan oleh Nur Zafirah (2017). Soal selidik terdiri daripada tiga bahagian iaitu profil responden, kecenderungan pelajar dan pelaksanaan pemilihan kerjaya keusahawanan. Terdapat sebanyak 10 item di setiap bahagian. Jumlah keseluruhan soal selidik kajian adalah sebanyak 25 soalan termasuk 5 soalan di bahagian maklumat demografi atau profil responden. Responden harus menjawab kesemua 25 soalan yang terdapat di dalam soal selidik. Teknik skala likert ini memerlukan responden untuk menunjukkan tahap persetujuan dan tidak bersetuju dengan setiap item pernyataan yang terdapat di dalam soal selidik. Terdapat lima skala yang berbeza digunakan untuk membezakan tahap perjanjian dan perselisihan. Bagi setiap item, skala yang digunakan adalah bermula dari 1 sangat tidak bersetuju sehingga 5 sangat bersetuju. Soalan aneka pilihan digunakan di Bahagian C iaitu bahagian demografi di mana responden dibenarkan untuk menjawab satu jawapan sahaja.

Populasi kajian adalah pelajar semester akhir Diploma Vokasional Malaysia yang telah mengikuti pengajian hampir empat tahun di KV dan telah mengambil program semester pendek. Semester pendek adalah semester pengajian rasmi kepada pelajar Program Diploma Kolej Vokasional di mana berada di antara semester dua dan semester tiga tahun pengajian semasa. Berdasarkan kepada populasi yang telah dipilih, pengkaji telah memilih KV yang berada di zon selatan iaitu di Melaka, Negeri Sembilan dan Johor di Malaysia kerana tiada lagi kajian dilakukan di zon ini. Jumlah Kolej Vokasional yang berada zon selatan di Malaysia adalah sebanyak tujuh belas buah kolej. Pemilihan KV dibuat secara pemilihan rawak mudah iaitu secara teknik undian. Kesemua nama tujuh belas KV dimasukkan dalam baling kemudian cabutan dibuat. Hasil daripada cabutan tersebut nama KV Juasseh berjaya dicabut undi. Justeru itu pengkaji telah mengambil keputusan untuk menjalankan kajian di Kolej Vokasional Juasseh. Sampel kajian terdiri daripada pelajar tahun empat Kolej Vokasional Juasseh dan berdasarkan kepada pengiraan sampel yang diperlukan mengikut Krejcie & Morgan (1970) adalah 27 orang responden. Pengkaji telah memilih 30 orang pelajar secara rawak mudah untuk menjawab soal selidik yang diedarkan.

### ***Profil Responden Kajian***

Profil responden kajian adalah seperti Jadual 1. Analisis mendapati majoriti pelajar adalah terdiri daripada 18 orang pelajar lelaki dan 12 pelajar perempuan yang dipilih secara rawak sebagai responden. Seterusnya bilangan pelajar yang mempunyai ahli keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan adalah 30% dan selebihnya seramai 21 orang (70.0%) tidak mempunyai latar belakang keusahawanan. Bilangan pelajar yang mempunyai impian untuk

memilih kerjyausahawan atau yang lebih tepat berminat untuk bekerja sendiri adalah 13 orang (43.3%) dan 17 orang (56.7%) memilih untuk makan gaji setelah tamat pengajian di KV nanti.

**Jadual 1 Profil Responden Kajian**

	Bil	Peratus
<b>Jantina</b>		
Lelaki	18	60.0%
Perempuan	12	40.0%
<b>Mempunyai ahli keluarga yang terlibat dalam bidang keusahawanan</b>		
Ya	9	30.0%
Tidak	21	70.0%
<b>Pilihan kerjaya anda setelah menamatkan pengajian</b>		
Bekerja Sendiri	13	43.3%
Makan Gaji	17	56.7%

## Dapatan dan Perbincangan

### *Tahap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Kolej Vokasional*

Dapatan kajian ini menunjukkan responden mempunyai kecenderungan yang tinggi dalam bidang keusahawanan seperti di Jadual 2. Jadual ini juga menunjukkan kekerapan atau frekuensi setiap item yang diberikan kepada responden, analisis mendapati bacaan peratus bagi item skala setuju dan sangat setuju menunjukkan bacaan peratusan yang tinggi. Item A3 memaparkan bilangan responden yang mempunyai kecenderungan untuk menjadi usahawan berjaya. 12 orang responden setuju untuk menjadi usahawan berjaya manakala 13 orang responden sangat setuju untuk menjadi usahawan berjaya yang mewakili 43.3%.

Selain itu bacaan min keseluruhan adalah 4.18, menunjukkan bahawa tahap kecederungan pelajar dalam bidang keusahawanan tinggi dan pelajar menunjukkan kecenderungan yang baik berdasarkan kepada dapatan kajian ini. Taburan min keseluruhan tinggi ini wujud kerana bilangan responden yang bersetuju dan sangat setuju dengan item-item seperti A3, A6, A7 dan A10 yang keseluruhannya menggambarkan kecenderungan yang positif dalam bidang keusahawanan. Hal ini turut diakui oleh Hisrich et al. (2008) dan Nor Aishah (2012) yang percaya bahawa individu yang mempunyai kecenderungan yang kuat untuk melakukan sesuatu perkara, mereka akan memperlihatkan kemungkinan yang positif ke atas tindakan yang dikehendaki. Item A6, seramai 15 responden bersetuju untuk memulakan kerjaya dalam bidang keusahawanan menggambarkan bahawa responden mempunyai kecenderungan yang positif ke arah keusahawanan. Dalam kajian keusahawanan, yang dilaksanakan oleh Salmianti (2014), kecenderungan membawa maksud minat, keinginan, kesukaan atau kemahuan kepada sesuatu perkara serta niat. Niat seseorang untuk berusaha dalam mencari ataupun mencuba aktiviti-aktiviti dalam sesuatu bidang yang tertentu dapat menentukan bidang yang akan diceburi seseorang.

**Jadual 2: Frekuensi dan Peratusan Tahap Kecenderungan Keusahawanan Pelajar Kolej Vokasional Juasseh**

Bil	Item	1 STS	2 TB	3 KS	4 S	5 SS
<b>Saya mempunyai kecenderungan untuk.....</b>						
A1.	Maju dalam kerjaya pilihan.	0 0.0%	0 0.0%	1 3.3%	18 60.0%	11 36.7%
A2.	Menjadi ketua di dalam organisasi saya.	0 0.0%	0 0.0%	8 26.7%	14 46.7%	8 26.7%
A3.	Menjadi usahawan berjaya.	0 0.0%	1 3.3%	4 13.3%	12 40.0%	13 43.3%
A4.	Membuat baik terhadap tugas yang diberikan.	0 0.0%	1 3.3%	4 3.3%	14 46.7%	14 46.7%
A5.	Mempunyai perniagaan sendiri selepas tamat pengajian.	0 0.0%	3 10.0%	8 26.7%	13 43.3%	6 20.0%
<b>Saya mahu.....</b>						
A6.	Memulakan kerjaya dalam bidang keusahawanan.	0 0.0%	1 3.3%	8 26.7%	15 50.0%	20 20.0%
A7.	Mendapat kejayaan kerana kemahiran yang saya miliki.	0 0.0%	0 0.0%	2 6.7%	16 53.3%	12 40.0%
A8.	Mendapatkan apa yang saya mahu dalam hidup	0 0.0%	0 0.0%	1 3.3%	13 43.3%	16 53.3%
A9.	Untuk mendapatkan kejayaan dalam perniagaan.	0 0.0%	0 0.0%	3 10.0%	15 50.0%	12 40.0%
A10.	Untuk terlibat dalam keusahawanan sebelum umur saya 40 tahun.	0 0.0%	0 0.0%	5 16.7%	16 53.3%	9 30.0%
<b>Keseluruhan Min</b>						<b>4.18</b>

Jadual 3 pula memaparkan frekuensi dan peratusan pemilihan kerjaya keusahawanan pelajar Kolej Vokasional. Bacaan peratusan setiap item menunjukkan bacaan yang tinggi kepada skala setuju dan sangat setuju. Seramai 20 orang responden yang mewakili 66.7% dan mempunyai peratusan yang tertinggi sangat setuju item (B2) iaitu saya suka menyertai program sosial kerana saya boleh berjumpa dengan ramai orang. Pelajar bersedia untuk berjumpa dengan lebih ramai orang dan ini adalah salah satu ciri usahawan kerana dapat meluaskan pengaruh serta mendapat lebih banyak peluang perniagaan. Selain itu, dapatan juga menunjukkan 56.7% iaitu seramai 17 orang responden pasti menjadi seorang usahawan yang berjaya (B6) dan lebih suka mengambil bahagian dalam bidang keusahawanan (B7) menggambarkan pemilihan kerjaya pelajar untuk menjadi usahawan berjaya.

Selari dengan dapatan kajian yang dijalankan oleh Norfadhilah (2010) bahawa kecemerlangan dalam hidup merupakan faktor yang sangat mempengaruhi mereka untuk terlibat dalam keusahawanan. Begitu jugalah dengan ciri-ciri keusahawanan yang sepatutnya



dimiliki oleh pelajar dalam pemilihan kerjaya keusahawanan antaranya adalah ingin mencapai kejayaan dan kecemerlangan dalam hidup.

**Jadual 3: Frekuensi dan Peratusan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Pelajar Kolej Vokasional Juasseh**

Bil	Item	1 STS	2 TB	3 KS	4 S	5 SS
<b>Saya .....</b>						
B1.	Suka bergaul dengan usahawan yang berjaya.	0 0.0%	0 0.0%	3 10.0%	16 53.3%	11 36.7%
B2.	Suka menyertai program sosial kerana saya boleh berjumpa dengan ramai orang.	0 0.0%	0 0.0%	4 13.3%	20 66.7%	6 20.0%
B3.	Suka bertemu ramai orang terutama sekali orang yang terlibat dalam bidang keusahawanan.	0 0.0%	0 0.0%	5 16.7%	14 46.7%	11 36.7%
B4.	Suka melawat ekspu perdagangan kerana saya boleh mendapat peluang perniagaan.	0 0.0%	0 0.0%	6 20.0%	13 43.3%	11 36.7%
B5.	Suka mengambil bahagian dalam seminar keusahawanan kerana saya dapat berjumpa dengan usahawan yang berjaya.	0 0.0%	3 10.0%	7 23.3%	12 40.0%	8 26.7%
<b>Saya .....</b>						
B6.	Pasti menjadi seorang usahawan yang berjaya.	0 0.0%	1 3.3%	6 20.0%	17 56.7%	6 20.0%
B7.	Lebih suka mengambil bahagian dalam bidang keusahawanan.	0 0.0%	1 3.3%	6 20.0%	17 56.7%	6 20.0%
B8.	Suka bekerja sendiri berbanding kerja dengan orang lain.	0 0.0%	2 6.7%	8 26.7%	14 46.7%	6 20.0%
B9.	Mampu menjadi seorang usahawan yang berjaya dengan menggunakan kemahiran yang saya miliki.	0 0.0%	1 3.3%	6 20.0%	16 53.3%	7 23.3%
B10.	Lebih suka berdikari menyelesaikan masalah sendiri.	0 0.0%	0 0.0%	3 10.0%	17 56.7%	10 33.3%
<b>Keseluruhan Min</b>						<b>4.04</b>

Seterusnya Jadual 4 menunjukkan skor min, sisihan piawai dan tahap secara keseluruhan. Dapatan memaparkan kecenderungan pelajar berada pada tahap tinggi (M=4.11, SP=0.41). Bagi pemilihan kerjaya pelajar juga menunjukkan tahap yang tinggi iaitu pada (M=4.01,

SP=0.48). Secara keseluruhan tahap kecenderungan pelajar terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan ialah tinggi (M=4.20, SP=0.42). Ini menunjukkan kecenderungan pelajar terhadap pemilihan kerjaya keusahawanan adalah tinggi.

**Jadual 4: Skor Min, Sisihan Piawai dan Tahap**

<b>Subkonstruk</b>	<b>Skor Min</b>	<b>Sisihan Piawai</b>	<b>Tahap</b>
KecenderunganPelajar	4.11	0.41	Tinggi
Pemilihan Kerjaya	4.04	0.48	Tinggi
<b>Keseluruhan</b>	<b>4.20</b>	<b>0.42</b>	<b>Tinggi</b>

***Mengenal Pasti Hubungan yang Signifikan Antara Tahap Kecenderungan Keusahawanan dengan Pemilihan Kerjaya Pelajar Kolej Vokasional***

Analisis dijalankan menggunakan ujian korelasi Pearson dan keputusan dinyatakan dalam Jadual 6. Berdasarkan jadual, terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kecenderungan keusahawanan dengan pemilihan kerjaya pelajar KV dengan nilai  $r(30) = 0.373$ ,  $p < 0.05$ , namun demikian kadar hubungan lemah. Menurut Guilford (1956) dalam Uma Sekaran (2003), pekali korelasi yang menunjukkan nilai antara 0.01 hingga 0.30 menunjukkan terdapat hubungan korelasi yang positif tetapi lemah manakala pekali korelasi yang mempunyai nilai positif menunjukkan terdapat hubungan langsung antara pemboleh ubah bebas dan bersandar. Ini menunjukkan kecenderungan keusahawanan di kalangan pelajar KV berkait secara lemah dengan pemilihan kerjaya keusahawanan tetapi mempunyai hubungan langsung antara pemboleh ubah bebas dan bersandar. Boleh digambarkan bahawa masih ada responden yang kurang cenderung terhadap bidang keusahawanan. Ini mungkin disebabkan oleh kurangnya pengetahuan terhadap bidang keusahawanan. Sungguhpun begitu, responden masih mempunyai inisiatif diri untuk meningkatkan pengetahuan dan minat atau kecenderungan dalam bidang keusahawanan agar dapat ditingkatkan dengan pelbagai aktiviti dan program tambahan.

Menurut Norfadhilah (2010) pelajar-pelajar perlu diberikan pendedahan dalam pendidikan keusahawanan agar dapat menimbulkan kecenderungan atau minat kepada pelajar supaya pelajar boleh memahami dan menjiwai serta mengamalkan ilmu keusahawanan yang dipelajari dan seterusnya memilih kerjaya keusahawanan. Secara umumnya program-program dan pelaksanaan yang telah dilaksanakan perlu ditingkatkan dan perlu berterusan agar dapat memberi lebih pendedahan kepada pelajar dalam pemilihan kerjaya keusahawanan. Kajian telah dilaksanakan Shahrin (2014), menerusi program-program keusahawanan pelajar berpeluang mempertingkatkan potensi mereka dalam bidang keusahawanan. Melakukan aktiviti-aktiviti keusahawanan di dalam situasi yang sebenar dapat membantu pelajar memperkembangkan pengetahuan, mempertingkatkan kemahiran dan menambahkan keyakinan diri yang diperlukan oleh mereka. Aktiviti-aktiviti dan program-program keusahawanan merupakan saluran untuk mempertingkatkan jumlah usahawan masa depan dengan mendidik pelajar-pelajar ke arah menjadi usahawan yang berjaya.

Dapatan kajian adalah selari dengan kajian yang dijalankan Nur Zafrah (2017) yang menyatakan terdapat hubungan yang signifikan antara tahap kecenderungan keusahawanan dengan pemilihan kerjaya pelajar Universiti Awam. Program atau kursus-kursus keusahawanan dapat dipergiatkan agar dapat meningkatkan kecenderungan pelajar untuk menceburi bidang keusahawanan (Mumtaz Begam, Munirah & Halimahton 2012).

**Jadual 6: Analisis Korelasi Pearson Antara Kecenderungan Keusahawanan dengan Pemilihan Kerjaya Keusahawanan**

		Pemilihan Keusahawanan	Kerjaya
Kecenderungan Keusahawanan	Korelasi Pearson, r Sig.p	0.373** 0.042	

\*\* signifikan pada aras .05

### Kesimpulan

Pemilihan kerjaya adalah suatu proses yang berterusan bermula dengan persepsi kanak-kanak terhadap dunia pekerjaan dan kemudiannya berkembang hingga ke peringkat remaja dan awal dewasa. Malaysia sedang mengubah keadaan masyarakat daripada masyarakat yang bergantung kepada kerajaan kepada masyarakat yang bekerja sendiri. Langkah yang giat dijalankan oleh pihak Kerajaan mahupun Kementerian Pendidikan Malaysia dengan memperuntukan sejumlah wang yang banyak bagi bidang keusahawanan. Hal ini bertujuan untuk meningkatkan bilangan usahawan serta mewujudkan kepelbagaian peluang pekerjaan (Mazlina & Selvaraju 2015). Pelbagai program dijalankan bagi mendedahkan para pelajar mengenai kepentingan serta peluang yang wujud melalui bidang keusahawanan termasuklah memperkenalkan kursus atau subjek keusahawanan dalam kalangan pelajar termasuklah kepada pelajar KV. Antara kaedah yang berkesan di dalam menyampaikan pendidikan keusahawanan ialah pembelajaran melalui pengalaman. Sekurang-kurangnya pelajar mendapatkan pengalaman dan pendedahan awal sebagai usahawan dengan membuka perniagaan. Kajian lanjutan boleh dibuat dengan lebih mendalam secara kualitatif untuk mendapatkan maklumat yang terperinci selepas pelajar membuka perniagaan bagi tujuan penambahbaikan dari masa ke semasa.

### Rujukan

- Adam, A., Abdul Razak, S. dan Abu Bakar, M. H. (2011). Kecenderungan Pelajar-Pelajar Semester Akhir Kolej Komuniti Jasin Terhadap Keusahawanan. Mini Seminar Pendidikan Kolej Komuniti Jasin.
- Ahmad Luthfi Bin Kandar. (2014). Kemahiran Employability Dalam Kalangan Pelajar. Kolej Vokasional Kluang Johor. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Ahmad Tajudin. (2010). Revocationalising TT-TVET programmes. *Proceeding 2nd World Congress on Teacher Education for TVER, Strengthening TT-TVET for Workforce of the Future* (pp. 1–6). UTHM Batu Pahat Johor pada 5–6 October, 2010.
- Ahmad, M.J., Jalani, N.H., & Hasmori, A.A. (2015). *TEVT di Malaysia: Cabaran dan harapan*. Seminar Kebangsaan Majlis Dekan-Dekan Pendidikan Awam.
- Amla Salleh. (2009). *Mengenal Potensi Kerjaya*. Universiti Kebangsaan Malaysia
- Asnul Minghat Dahar, Ruhizan M Yasin, Kamalularifin Subari, and Khair Noordin. 2013. "Strategi Kelasterian Pembangunan Pendidikan Teknikal Dan Vokasional (PTV)," no. Isqae: 493–504.
- Baharin, N., Yusoff, I. dan Ismail. R. (2012). Faktor-faktor yang Mempengaruhi Pengangguran di Malaysia. Persidangan Kebangsaan Ekonomi Malaysia ke VII (PERKEM VII). Ipoh, Perak. pp: 209-227. Bertempat Di *Putrajaya International Convention Centre*

- Chan, Y. F. (2000). Preparing Knowledge Workers for the Knowledge Economy. *Journal of Technology and Vocational Education: Globalization and Future Trends dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Jurnal Pendidikan
- Eriniwati Aliza Binti Miat. (2014). *Faktor Yang Mendorong Kecenderungan Pelajar Kolej Vokasional Ke Arah Bidang Keusahawanan*. Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Fayolle, A. (2000). Exploratory Study to Assess the Effects of Entrepreneurship Programs on Student Entrepreneurial Behaviours, *Journal of Enterprising Culture*, 8(2), 169-184.
- Kamus Dewan Edisi Keempat. (2005). Kuala Lumpur : Dewan Bahasa dan Pustaka Malaysia 35, no. 1 (2010): 11-17.
- Mohd Mustafa, U. A., Mohd Daud, S., Mohd Senon, M. dan Mohd Ismail, N.B. (2013). Kecenderungan Kerjaya Sebagai Usahawan Dalam Kalangan Pelajar Bumiputera Tahun Akhir Diploma Perniagaantani, Kolej Profesional Mara Beranang. *Seminar Pasca Siswazah Dalam Pendidikan (GREDEC)*.
- Mohd Rosli, F. (2013). *Pembudayaan Keusahawanan Kearah Mempengaruhi Kecenderungan Menceburi Bidang Keusahawanan Dalam Kalangan Bakal Graduan di UTHM*. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia: Tesis Sarjana.
- Nasharudin, N. & Harun, H. (2010). Aspirasi Kerjaya Keusahawanan dalam Kalangan Pelajar Institusi Pengajian Tinggi Awam. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 35(1), 11-17.
- Nazif, W. M. & Ibrahim, F. (2005). *Formula Menjadi Usahawan Berjaya*. Kuala Lumpur: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Norasmah Othman, Khairul Khairiyah Khasbullah & Hariyaty Ab Wahid. (2015). Tahap Daya Saing Pelajar Institusi Pengajian Tinggi di Semenanjung Malaysia. *Jurnal Pendidikan Malaysia* 40 (2):139-149.
- Norasmah Othman, Nor Hafiza Othman dan Rahmah Ismail. (2012). Impact Of Globalization On Trends In Entrepreneurship Education In Higher Education Institutions. *International Journal of Trade, Economics and Finance* 3(4): 267-271.
- Norasmah Othman. (2002). *Keberkesanan Program Keusahawanan Remaja Di Sekolah Menengah*. Tesis Fakulti Pendidikan, Universiti Putra Malaysia, Serdang.
- Norfadhilah Nasharudin dan Halimah Harun. (2010). *Aspirasi Kerjaya Keusahawanan*
- Nur Zafirah Abd Rahim (2017). *Impak Kursus Keusahawanan Terhadap Kecenderungan Pelajar Dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan*. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Pelan Transformasi Kerajaan – Meluaskan Akses Kepada Pendidikan Berkualiti. Ucapan Timbalan Perdan Menteri Sempena Majlis Pelancaran Transformasi Politeknik pada 250210.pdf. <http://politeknik.gov.my/webjpp2/files/>
- Ravi AIP Nagarathanam, (2015). *Hubungan Sikap, Pemikiran dan Tingkah Laku Terhadap Keinginan dalam Pemilihan Kerjaya Keusahawanan Dalam Kalangan PraSiswazah India Di Institut Pengajian Tinggi Sekitar Bangi*; Tesis Fakulti Pendidikan UKM.
- Salmianti Binti Mutalib (2014). *Tinjauan Kecenderungan Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar Di Institusi Pengajian Tinggi Awam*. Kolej Komuniti Bandar Penawar, Bandar Penawar, Johor, Malaysia.
- Samad, N. A. B. D., Hassan, R., Harun, H., Daud, D., & Hassan, A. (2014). Kesedaran Terhadap Peluang Melanjutkan Pengajian Ke Institut Latihan Vokasional (ILV) Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah Vokasional (SMV) di Negeri Johor (Awareness Opportunity to Extends Study in the Vocational Training Institute (VTI) Among S. *Jurnal Personalia Pelajar*, 17, 109–115.
- Sidek Mohd Noah. (2013). *Perkembangan Kerjaya Teori & Praktis*. Cetakan semula. Universiti Putra Malaysia.
- Trump, D. J. (2007). *Trump 101: The Way to Success*. New Jersey: John Wiley & Sons, Inc.

- Unit Perancang Ekonomi. (2015). *Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020)*. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri. Retrieved from <http://www.epu.gov.my>
- Warman, S., Roddin, R., Esa, A., Awang, H. Mohamed, M. & Ab Rahman, A. (2010). Penerapan Kemahiran Keusahawanan Dalam Kalangan Pelajar di Politeknik. *Persidangan Kebangsaan Pendidikan Kejuruteraan dan Keusahawanan*. Kota Bahru, Kelantan. pp 206-211.
- Zaidatol Akmaliah Lope Pihie, Abd. Rahim Bakar & Mohd. Majid Konting. (2002). *Pelaksanaan Pendidikan Keusahawanan di Malaysia: Kesan Terhadap Aspirasi Keusahawanan Pelajar*. *Pertanika J. Soc. Sci. & Hum.* 10(1): 53-61 (2002). Universiti Putra Malaysia.
- Zawawi, S. S. A. (2011). Transformasi PTV: Kesiediaan Guru-guru Vokasional Terhadap Pelaksanaan Kolej Vokasional KPM Dari Aspek Tahap Kemahiran. *Persidangan Kebangsaan Penyelidikan Dan Inovasi Dalam Pendidikan Dan Latihan Teknik Dan Vokasional*. Pulau Pinang. pp 1-10.